

13 SEP 2002

Mahathir-Pilihan Raya (Bergambar)

DR MAHATHIR TIDAK BERTANDING PADA PILIHAN RAYA AKAN DATANG

ALOR SETAR, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang dan melahirkan harapan agar rakyat tidak melakukan kesilapan apabila memilih kerajaan akan datang.

Bagaimanapun adalah tanggungjawab beliau untuk memperbetulkan pemikiran rakyat yang telah dipesongkan oleh PAS, katanya.

Beliau berkata kesilapan pemikiran rakyat harus diperbetulkan agar mereka tidak tertipu.

Langkah itu penting agar rakyat tidak silap memilih kerajaan pada pilihan raya umum akan datang, katanya pada majlis Himpunan Mesra Rakyat Bersama Perdana Menteri di Kolej Sultan Abdul Hamid, di sini. Dr Mahathir adalah bekas murid sekolah itu.

Beliau berkata tindakan PAS memindahkan pengundi bagi meraih kemenangan semasa pilihan raya adalah haram kerana mereka menipu.

Mereka menipu apabila memindahkan pengundi PAS dari kawasan yang mereka jangka kalah ke kawasan yang dijangka menang dan memindahkan nama pengundi Barisan Nasional (BN) keluar dari kawasan yang BN boleh menang.

Dr Mahathir menjadi anggota Parlimen kawasan Kubang Pasu sejak 1974 sehingga sekarang.

Sebelum ini Dr Mahathir pernah mengumumkan beliau akan melepaskan semua jawatannya dalam kerajaan dan parti selepas mesyuarat Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) di Kuala Lumpur tahun depan.

"Pengundi mesti bijak menolak sama sekali PAS parti penipu," katanya.

Beliau berkata penipuan PAS tidak sepatutnya berlaku dalam sistem demokrasi yang diwujudkan untuk menjaga kepentingan rakyat.

"Pemimpin PAS menghalalkan penipuan untuk memenangi pilihan raya dan mendapat kuasa bagi kepentingan diri mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia mengamalkan sistem demokrasi dengan rakyat di sesebuah kawasan berkuasa untuk memilih wakil rakyat mereka.

"Nasib penduduk satu kawasan pilihan raya ditentukan oleh pengundi kawasan itu dan bukannya pengundi tempat lain," katanya.

Beliau berkata sekiranya pengundi kawasan tertentu mengundi di kawasan lain maka mereka bukan mengutamakan kepentingan kawasan mereka tetapi pentingkan kepentingan parti dan perkara-perkara lain.

Keadaan ini berbeza dengan calon pilihan raya boleh datang dari kawasan lain kerana tanggungjawab mereka untuk berkhidmat di kawasan pilihan raya yang dimenangi kelak, katanya.

"PAS pindahkan 3,000 pengundi kawasan saya untuk mengurangkan sokongan pada saya ke kawasan (Dewan Undangan Negeri) Anak Bukit dan lain-lain," katanya.

Perdana Menteri berkata PAS bercita-cita untuk menawan Kedah pada pilihan raya umum akan datang tetapi bukan dengan cara halal.

Mereka menggunakan cara haram dengan memindahkan pengundi ke kawasan lain.

"BN kalah di Anak Bukit kerana ramai pengundi Umno dikeluarkan daripada kawasan itu manakala pengundi PAS dari luar pula dimasukkan ke kawasan itu," katanya.

Beliau berkata itu merupakan satu penipuan besar oleh sebuah parti yang menggelarkan diri mereka parti Islam dengan sanggup menipu untuk mencapai kemenangan.

"Daripada segi undang-undang, PAS menang dengan sah tetapi daripada segi agama mereka menang haram. Oleh itu bayaran elaun wakil rakyat PAS di Anak Bukit adalah haram baginya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia aman dan makmur selama ini kerana rakyat bijak memilih kerajaan yang patuh kepada undang-undang.

"Sebab itu kita harus pandai menjaga pilihan kita," katanya.

Beliau berkata komponen tentera, polis dan undang-undang pencegahan termasuk Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) membantu menjamin keselamatan negara ini daripada ancaman.

Rakyat dan pemimpin kebanyakan negara termasuk yang maju hidup dalam ketakutan, takut diserang dan dibunuh kerana tidak ada undang-undang pencegahan.

"Kita tidak menggunakan undang-undang pencegahan itu dengan sewenang-wenangnya seperti menggunakannya terhadap musuh politik kita," kata beliau.

Beliau berkata konsep "rule of law" (kedaulatan undang-undang) bukan harus dipatuhi oleh kerajaan sahaja sebaliknya semua pihak termasuk tentera, polis, badan kehakiman dan pentadbir, barulah negara ini selamat.

-- BERNAMA

JM PR